



Datuk Seri Mohd Ali Rustam

# UMNO Relevan Sepanjang Zaman

Oleh DATUK SERI MOHD ALI RUSTAM

**P**ERINGATAN yang dibuat oleh seorang tokoh bukan Melayu terhadap kepentingan UMNO sebagai penjaga kedaulatan dan ketuanan Melayu sebelum Pilihan raya 1999, memang menikam jantung orang Melayu yang bermaruah. Ingatan pemimpin MCA itu adalah sebagai kawan rapat UMNO yang sama-sama bekerja membina kerajaan yang memerintah Malaysia selama 46 tahun yang lepas.

Dari sudut orang Melayu, ingatan itu lebih daripada satu strategi politik Barisan Nasional (BN); ia adalah pengiktirafan bukan Melayu terhadap ketuanan Melayu di Malaysia. Mereka nampaknya cukup menghormati Testament Politik Perikatan 1955, yang menjadi persetujuan bersama di antara kaum di Persekutuan Tanah Melayu untuk mencapai kemerdekaan. Ia terus menjadi asas pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

Oleh itu, peranan UMNO sebagai pelindung kepentingan politik Melayu di Malaysia, adalah jelas sekali. Sikap beberapa parti Melayu dalam pilihan raya lepas yang terlalu bermurah hati kepada pembangkang bukan Melayu, juga memperlihatkan betapa UMNO patut kuat dan kukuh untuk terus menjalankan peranan itu. Dalam pergelutan untuk mendapat pengaruh ternyata PAS begitu tidak konsisten dalam perjuangan dan isu-isu yang dibangkitkannya. Ternyata PAS terlalu banyak melatah, malah kadang-kadang tersasul, kalau tidak pun sentiasa berdolak-dalik dalam kenyata-

annya yang tidak meyakinkan dan amat merbahaya bagi bangsa dan agama yang didakwa diwakili dan diperjuangkannya.

Bagi Parti Keadilan Nasional pula, sikapnya menegakkan keadilan untuk seorang individu yang dianggap teraniaya, tidak dapat dianggap sebagai parti untuk orang Melayu. Ia lebih sesuai dilihat sebagai parti untuk rakyat Malaysia berbilang kaum, mirip kepada perjuangan *Malaysian Malaysia*, dokongan DAP. PRM pula perjuangannya memberi keadilan kepada rakyat bawah atau yang tertindas tanpa mengira bangsa, walaupun tumpuan banyak kepada orang Melayu yang masih dianggap miskin, tidak juga meyakinkan walaupun telah hidup begitu lama dalam politik Malaysia.

Oleh itu UMNO amat relevan sebagai penjaga kedaulatan Melayu. Malah tidak keterlaluan dikatakan bahawa UMNO adalah satu-satunya parti Melayu yang dapat dipertanggungjawabkan untuk tugas menjaga kedaulatan dan ketuanan Melayu. Sebagai sebuah parti yang memang ditubuhkan sejak tahun 1946 untuk menjaga kepentingan orang Melayu

dalam politik negara telah menjadi tulang belakang kerajaan yang memerintah selama ini, UMNO dipercayai akan dapat terus menjalankan tanggungjawab ini. Kedudukannya sebagai satu-satunya parti bangsa Melayu dalam BN dan kerajaan dan dengan sokongan parti-parti kaum pribumi Sabah dan Sarawak, cukup kuat untuk melaksanakan hal tersebut.

Dari sudut sejarah, kebolehan UMNO menjaga kepentingan orang Melayu cukup meyakinkan. Dengan perpaduan semua persatuan negeri Melayu, UMNO ditubuhkan sebagai

Dengan keupayaan  
UMNO, tamadun  
Melayu yang telah  
ditegakkan oleh  
kerajaan Melayu di  
seluruh Tanah  
Melayu dan  
Kepulauan Melayu  
dapat dikukuhkan

sebuah gabungan kebangsaan Melayu yang bergerak menentang Malayan Union sebagai satu penjajahan fizikal, politik, kebudayaan dan jiwa orang Melayu. Kebangkitan perpaduan Melayu yang dimanifestasikan melalui penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946, menjadi satu indeks sejarah yang penting untuk UMNO menjadi pemimpin dan pelindung bangsa Melayu. Orang Melayu

telah mendapat sebuah pertubuhan politik yang kuat bagi identiti dan survival politik mereka.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, dengan pengiktirafan semula dan pengkekal institusi raja,

negeri Melayu dan rakyat Melayu, adalah sumbangan UMNO yang terbesar dalam sejarah pendaulatan ketuanan Melayu dalam konsep kerajaan Persekutuan di Malaysia. Dengan keupayaan UMNO, tamadun Melayu yang telah ditegakkan oleh kerajaan Melayu di seluruh Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu, dapat dikukuhkan semula. Dengan itu, segala lambang ketuanan Melayu seperti Rajaraja Melayu, adat resam Melayu, sistem kemasyarakatan dan kekeluargaan Melayu dan budaya Melayu dapat dimantapkan nyawanya.

Malah, ia menjadi teras dan format sistem politik Malaysia moden hari ini. Konsep Raja berperlembagaan, autonomi negeri dalam bidang tertentu seperti agama Islam dan adat istiadat Melayu, sistem politik negeri, bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan pentadbiran negara dan negeri, Islam sebagai agama rasmi, kedudukan istimewa orang Melayu, sistem qouta dan Tanah Simpanan Melayu, semuanya menjadi unsur penting dalam pentadbiran moden Malaysia.

UMNO, parti yang menjadi jurucakap orang Melayu pada tahun 1946-1948, telah membuktikan keupayaannya sebagai pendaulat ketuanan Melayu di negara yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Sesungguhnya dasar menjadikan orang Melayu sebagai pemimpin politik Tanah Melayu ini memang telah diakui oleh British sejak tahun 1948.

Oleh itu, UMNO sentiasa dirujuk sebagai pemimpin politik Tanah Melayu dan sentiasa menjadi penentu dasar-dasar politik dan pentadbiran Tanah Melayu. Dengan persetujuan UMNO, parti-parti bukan Melayu diterima sebagai rakan kongsi politik, dan mereka pula mengiktiraf orang Melayu sebagai ketuanya. Inilah format politik Tanah Melayu dan Malaysia hari ini.

UMNO di bawah pimpinan Tengku Abdul Rahman yang juga Pengerusi Parti Perikatan, terus mendapat kepercayaan masyarakat majmuk Tanah Melayu dalam pilihan raya Bandaran, Negeri, Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dan Pilihan Raya Kebangsaan 1959-1969. Dalam setiap usaha untuk menentukan kerajaan sendiri dan kemerdekaan negara, UMNO menjadi

## Pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada semua peringkat mestilah mengutamakan idealisme bangsa yang selama ini menjadi darah daging perjuangan UMNO, terutama sebelum politik wang menular secara terbuka dalam UMNO.

abang kepada anggota Perikatan; dengan itu UMNO dapat menjaga kepentingan dan kedaulatan ketuanan Melayu dengan tenteram.

Dengan persetujuan dan perundingan MCA dan MIC menerima kepimpinan UMNO sebagai tulang belakang politik Persekutuan Tanah Melayu. Tolak ansur UMNO dalam Perikatan melahirkan formula terbaik bagi mengatasi kemelut perkauman di Tanah Melayu. Inilah kejayaan terbesar UMNO dalam sejarah politik negara, iaitu mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu tanpa menumpahkan darah.

**U**MNO sekali lagi menjadi ketua kerajaan apabila kerajaan separuh tentera di bawah MAGERAN diwujudkan. Soal ketuanan Melayu telah dapat diperkukuhkan dalam perlembagaan melalui pembentukan Akta Hasutan 1971: di sini kedudukan Istimewa Orang Melayu, Tanah Simpanan Melayu, Agama Islam dan institusi Raja dan Kerakyatan Malaysia dapat dilindungi dengan lebih baik. Dalam "dasar menyusun semula masyarakat", pendidikan dan bantuan kewangan diperkukuhkan kepada orang Melayu.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dibentuk bagi menggalakkan peluang dan langkah-langkah yang lebih tersusun bagi melahirkan usahawan, peniaga dan pedagang Melayu. Rukun Negara sebagai ideologi negara dibentuk bagi melahirkan kesetiaan kepada perlembagaan, raja dan negara Malaysia. Jabatan Perpaduan Negara juga diwujudkan bagi menggalakkan perpaduan rakyat berbilang bangsa secara lebih berkesan. Kesemuanya ini dilakukan Tun Abdul Razak, Pengarah Mageran, Perdana Menteri dan Presiden UMNO, pemimpin kerajaan Malaysia.

Tindakan kerajaan BN yang telah ditubuhkan dengan kemenangan pilihan raya 1974, yang juga diketuai oleh UMNO, telah mengambil kira kepentingan orang Melayu dan ketuanan Melayu sebagai teras pemulihan ekonomi, pendidikan dan taraf hidup dalam era selepas 1974 itu. Pelaksanaan DEB, yang mempunyai matlamat melibatkan orang Melayu dalam perniagaan, pemilikan saham dan menghapuskan kemiskinan diharapkan akan memenuhi 30 peratus ekonomi Malaysia. Tahun 1990 telah menjadi garis penamatnya.

Dasar Perancangan Ekonomi Lima Tahun dibuat dengan begitu terperinci sekali; ini termasuklah pengeluaran lesen dan permit perniagaan kepada bumiputra, menggalakkan projek-projek usaha sama bumiputra dengan bukan Melayu, kerjasama kerajaan dengan syarikat asing dengan kerajaan menjadi pemegang saham terbesar dan usahasama pelabur tempatan dengan pelabur asing. Saham Ekonomi Nasional dan kemudian ditukar dengan Saham Ekonomi Bumiputra telah diperkenalkan pada tahun 1980-an. Apabila DEB ditamatkan pada tahun 1990, hanya 18 peratus sahaja yang dapat diisi oleh orang Melayu.

Kesemua ini dilakukan dengan tegas oleh kerajaan BN pimpinan UMNO, walaupun DEB dilihat oleh pengkritik luar dan sekumpulan rakyat Malaysia sendiri sebagai satu dasar diskriminasi kepada kaum lain. Namun ini dilakukan kerana UMNO sebagai pemimpin kerajaan BN mendapati adalah wajar meningkatkan pencapaian bumiputra dalam bidang ekonomi dan pendidikan supaya taraf hidup mereka akan menjadi

bertambah baik, seimbang dengan penduduk bukan Melayu. Walaupun memang diakui ada rakyat bukan Melayu yang miskin, tetapi peratus rakyat Melayu yang miskin terlalu tinggi sehingga menimbulkan masalah politik kepada negara.

Hasil daripada DEB ini memang jelas apabila wujud kelas menengah Melayu yang lebih besar, peningkatan taraf hidup orang Melayu yang lebih baik dan tahap pencapaian pelajaran mereka lebih tinggi. Malah kerajaan pimpinan UMNO juga dapat melahirkan kumpulan korporat, peniaga dan pedagang Melayu, yang selama ini hanya muncul dalam Kesultanan Melaka dan empayar Melayu yang lain. Penjajah yang telah membunuh kumpulan ini dan menggantikannya dengan saudagar Barat, Cina dan India, telah menjadikan masyarakat bumiputra sebagai masyarakat pertanian yang hidup diluar bandar dan hanya layak menjadi kuli.

Inilah keadaan masyarakat Melayu sebelum dan sedekad selepas merdeka; mereka dipandang rendah dengan imej yang amat buruk. Mereka dianggap malas, miskin, kurang berpelajaran dan masyarakat pertanian yang 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang'. Mereka mundur dalam semua hal. Tindakan mengadakan DEB adalah tindakan politik yang berani daripada UMNO, yang telah memberi maruah dan martabat bangsa Melayu sebagai ketua dalam politik Malaysia.

Peranan UMNO sebagai peneraju politik dan kerajaan Malaysia terus diperkukuhkan dalam setiap kali pembentukan kerajaan baru selepas pilihan raya. Dengan kedudukan itu, tentunya UMNO sangat wajar dan penting sebagai penerus, pelindung dan pelaksana ketuanan Melayu dalam politik Malaysia. Dengan itu, agenda Melayu sentiasa dapat diteruskan. Walaupun DEB tamat pada 990, dalam Dasar Ekonomi Negara, peruntukan dan agenda membantu dan memajukan ekonomi dan pendidikan orang Melayu diteruskan.

Pelabur-pelabur luar negeri oleh syarikat-syarikat dan badan korporat separuh kerajaan menjadi satu agenda yang berterusan. Peningkatan UiTM sebagai sebuah universiti dan penubuhan lebih banyak institusi dan politeknik,

pusat kemahiran MARA dan program berkembar di antara universiti tempatan dan Kementerian Pendidikan dipercayai akan dapat meneruskan peningkatan kualiti dan kuantiti masyarakat Melayu yang berpendidikan. Ini juga menambah jumlah peratusan pelajar Melayu di pusat pengajian tinggi yang kini hanya berjumlah 35 peratus.

**U**MNO dengan itu bertanggungjawab untuk terus menjadi relevan dengan perjuangan survival Melayu sebagai masyarakat perdana Malaysia. Mereka yang dipilih sama ada sebagai Naib Presiden dan ahli Majlis Tertinggi UMNO bertanggungjawab sepenuhnya untuk menentukan kesucian UMNO sepanjang zaman sebagai jurucakap bangsa Melayu tanpa terleka sedikit pun.

Kealpaan yang berlaku akibat politik wang, keangkuhan dengan kuasa politik yang begitu memualkan, rasuah yang begitu terang, harga diri yang terlalu rendah walaupun telah tercemar kerana salah laku sumbang dan rasuah, pergelutan merebut kuasa politik UMNO yang terlalu gelojoh dan menganaktirikan agenda Melayu sehingga boleh dibela oleh parti-parti Melayu yang kecil, memang patut diperbaiki dengan segera oleh ahli UMNO dan para pemimpinnya.

Pemilihan pucuk pimpinan UMNO semua peringkat mestilah menguta-

### *Self-correction*

**UMNO mesti dilakukan dari dalam parti secara tegas melalui pemilihan para pemimpin yang betul, bersih dan ikhlas dengan perjuangan dan survival bangsa Melayu.**

makan idealisme bangsa yang selama ini menjadi darah daging perjuangan UMNO, terutama sebelum politik wang menular secara terbuka dalam UMNO. Perhimpunan Agung UMNO mesti menentukan pemilihan mereka berdasarkan kepada ciri kepimpinan mulia seperti tuntutan agama Islam dan niali-nilai budaya Melayu yang tinggi.

Seorang yang tercemar, atas apa alasan pun, patut tidak dipilih; ini hanya akan meneruskan pandangan serong dan ketidakpercayaan masyarakat Melayu terhadap UMNO.

Mereka yang telah melupakan perjuangan bangsa Melayu seperti bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu sebagai benteng terakhir, perlindungan perlembagaan bagi bangsa Melayu, mencurahkan hartanya keluar negara tanpa ada rasa tanggungjawab politik dan sosial kepada bangsanya; dan mereka yang hanya menyebut dan merujuk nama Melayu apabila hendak mendapatkan permit atau kuasa politik dalam pilihan raya ataupun yang mengeneipkan nilai-nilai kehidupan seorang Islam secara hakiki, patut tidak ditonjolkan sebagai pemimpin.

UMNO mesti mewujudkan semula perjuangan suci UMNO melalui pemimpin yang tahu tanggungjawab mereka kepada bangsa dan bukan kepada diri dan keluarga serta kawan terdekat mereka sahaja. Jadilah seperti pemimpin perintis UMNO – berkorban apa sahaja untuk menegakkan ketuanan, keselamatan dan maruah bangsa Melayu.

Semangat ini mesti ditanam semula ke dalam hati dan sikap pemimpin yang bakal dipilih, supaya kelemahan UMNO yang terjadi dalam pilihan raya 1999 tidak berulang. Janganlah dibiarkan kepercayaan orang Melayu, terutama generasi muda yang telah cukup berpelajaran, tidak menghormati dan tak menyokong UMNO semata-mata kerana UMNO mempunyai pemimpin yang bersikap "seperti ketam yang mengajar anaknya berjalan betul, tetapi diri sendiri berjalan senget".

*Self-correction* UMNO mesti dilakukan dari dalam parti secara tegas melalui pemilihan pemimpin yang betul, bersih dan ikhlas dengan perjuangan dan survival bangsa Melayu.